

NO. SOALAN : 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]
TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah alasan yang diberikan pemborong dan pembekal apabila mereka tidak mahu menurunkan harga barangan sehingga ia menyebabkan peniaga menjual dalam harga tinggi kepada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Peningkatan harga barangan sebenarnya bukan hanya berpunca daripada kenaikan harga minyak semata-mata. Sebaliknya terdapat **beberapa faktor** lain yang mempengaruhi harga barangan seperti **ketidaktentuan cuaca, bencana alam, manipulasi orang tengah, peningkatan kos sewa beli, soal tarif, kadar upah, kadar pertukaran wang asing dan persekitaran ekonomi global yang di luar kawalan** yang telah memberi kesan terhadap permasalahan kos sara hidup yang terpaksa dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Selain itu, harga barangan di pasaran juga ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*).

Dalam menangani isu ini, Kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan **sesi *engagement*** di antara Kementerian bersama pengilang, pembekal, pemborong, peruncit dan persatuan pada **10 Februari 2015**. Sesi *engagement* yang diadakan ini telah membuahkan hasil yang positif di mana pihak-pihak yang terlibat telah bersetuju untuk menurunkan harga barangan selaras dengan kos operasinya yang telah berkurangan berikutan penurunan harga minyak di pasaran. Perjumpaan ini adalah amat penting dan sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk memastikan pihak-pihak peniaga yang terlibat sama-sama memikul tanggungjawab membantu Kerajaan meringankan beban rakyat.

Pada 1 Mac 2015 yang lalu Kempen Penurunan Harga 2015 telah berjaya dilaksanakan secara serentak dan besar-besaran di seluruh negara dengan penglibatan sebanyak **16 buah syarikat**. Kementerian

amat menghargai komitmen syarikat-syarikat yang terlibat dalam kempen ini. Tempoh bagi kempen ini adalah antara satu (1) hingga empat (4) bulan **bermula** dari tempoh pelaksanaannya iaitu pada **1 Mac 2015**. Sebanyak **1,036 cawangan pasaraya besar, pasaraya dan pasar mini** di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian dalam Kempen ini dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi **82,582 produk**. Adalah menjadi harapan kerajaan kempen ini dapat meringankan bebanan rakyat terutama mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Kementerian juga menyeru agar syarikat-syarikat lain termasuk **restoran, peniaga dan pihak-pihak yang terlibat** agar dapat menawarkan harga barangan secara berpatutan dan tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan secara berlebihan dan tidak munasabah.

Dalam usaha Kerajaan untuk memastikan dan menggalakkan perdagangan yang adil dan amalan ekonomi yang terbuka, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa menangani peningkatan kos sara hidup bukan sesuatu yang mudah. Namun, Kementerian yakin ianya boleh dikawal pada tahap minimum sekiranya semua pihak bersama-sama dengan Kementerian menangani masalah ini.